

07 AUG 2001

Mahathir-Arroyo

MAHATHIR KUNJUNGI ARROYO

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernam) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengunjungi Presiden Gloria Arroyo dari Filipina di hotel penginapannya di sini.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali berada bersama-sama presiden itu selama 15 minit.

Yang turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Arroyo, yang tiba hari ini untuk lawatan tiga hari, dijangka mengadakan petemuan "empat mata" dengan Dr Mahathir di pejabat beliau di Putrajaya kemudian petang ini.

Pertemuan itu akan disusuli dengan mesyuarat delegasi di Jabatan Perdana Menteri. Kedua-dua pemimpin itu juga dijangka menyaksikan majlis menandatangani beberapa perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU) selepas mesyuarat itu.

Mereka juga dijangka menyaksikan upacara menandatangani perjanjian perpaduan antara Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) dan Barisan Pembebasan Nasional Moro (MNLF), dan perjanjian damai antara MILF dan kerajaan Filipina.

Terdahulu, Syed Hamid berkata lawatan Arroyo ke Malaysia merupakan yang pertama baginya di Asean kerana presiden itu menganggap Malaysia sebagai negara yang penting.

"Beliau juga mahu menyampaikan sendiri ucapan terima kasihnya kepada Dr Mahathir kerana segala usaha yang telah dilakukan yang membawa kepada tercapainya penyelesaian secara aman," katanya sebagai merujuk kepada inisiatif Malaysia dalam membawa pihak-pihak yang bertelingkah di Filipina Selatan untuk menyertai rundingan damai dengan kerajaan Filipina.

Syed Hamid berkata Filipina juga mahu Malaysia turut terlibat dalam program pembangunan semula dan projek sosio-ekonomi di Filipina Selatan.

"Kita telah melakukannya dalam konteks menyedari bahawa konfrontasi bukanlah jawapan kepada usaha mencapai objektif pihak-pihak yang terlibat dalam konflik.

"Bagi Malaysia, kita sentiasa menghormati kedaulatan wilayah Filipina. Dalam konteks inilah semua pihak yang bertelingkah itu telah mencapai suatu bentuk persetujuan, demi kebaikan semua pihak berkenaan," katanya.

-- BERNAMA

AFY ZS NMO